



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

PEMBETULAN
KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
28 Mac 2020

1. Pada hari ini, 03 Syaban 1441 bersamaan 28 Mac 2020, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai **5 lagi kes baru** yang telah disahkan COVID-19 di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes di negara ini ialah 120 orang**.
 - Kes 116 berumur 59 tahun ialah seorang warga tempatan yang telah pulang ke negara ini dari United Kingdom pada 19 Mac 2020 dengan menaiki pesawat Royal Brunei BI004 (tempat duduk 31J). Beliau hanya mula mengalami sengal badan dan batuk pada 23 Mac 2020.
 - Kes 117 berumur 21 tahun telah pulang ke negara ini dari United Kingdom pada 22 Mac 2020 dengan menaiki pesawat Royal Brunei BI004 (tempat duduk 44J). Beliau telah menjalani pengasingan diri sejak tiba di negara ini dan hanya mula menghidap selsema semasa memulakan pengasingan diri pada 22 Mac 2020.

- Kes 118 berumur 20 tahun ialah kontek keluarga kepada Kes 116. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
- Kes 119 berumur 35 tahun telah pulang ke negara ini dari United Kingdom pada 23 Mac 2020 dengan menaiki pesawat Royal Brunei BI004 (tempat duduk 38C). Beliau tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
- Kes 120 berumur 32 tahun telah pulang ke negara ini dari Manila pada 14 Mac 2020 dengan menaiki pesawat Royal Brunei BI686. Beliau telah mula mengalami batuk dan selsema pada 14 Mac 2020.

2. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, pada hari ini **14 lagi kes** yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, membawa **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 25 orang**. Ini bermakna terdapat 94 kes yang masih dirawat di Pusat berkenaan. Pada hari ini, seorang kes yang sebelum ini memerlukan pemantauan rapi kini berada dalam keadaan kritikal. Ini bermakna ada dua orang yang sedang dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin pernafasan. Manakala, dua orang lagi memerlukan pemantauan rapi dan selebihnya dalam keadaan yang baik.

3. Sementara itu, pada masa ini, seramai 909 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai 1,110 orang lagi telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 5,333 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan, yang membawa kepada nisbah 1 orang dalam 82 penduduk negara ini telah dibuat pemeriksaan.

4. Seterusnya, merujuk kepada pengumuman di Siaran Akhbar bagi Kenyataan Media Situasi Terkini Jangkitan Covid-19 Di Negara Brunei Darussalam pada 15 Mac 2020 berhubung dengan permohonan kebenaran keluar negeri, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama dari Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi kini telah membuat perubahan kepada tatacara permohonan tersebut, daripada melalui emel kepada permohonan secara *online* yang dapat diakses dari laman web Jabatan Perdana Menteri www.pmo.gov.bn. Makluman lanjut juga boleh diperolehi daripada Garispanduan Permohonan Kebenaran Keluar Negeri Bagi Rakyat Dan Penduduk Negara Brunei Darussalam dari laman web tersebut.

5. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 03 Syaaban 1441H / 28 Mac 2020